

Projek Bandar Malaysia diteruskan, jana GDV RM140 bilion - PM

Selesai 4 isu beri penjimatan

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF
BAKRI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 APRIL

TUN Dr. Mahathir Mohamad berkata, empat isu yang berjaya diselesaikan oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH) telah membantu usaha penjimatan dalam urusan pentadbiran negara.

Tegas Perdana Menteri, empat isu terbabit ialah projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Felda, Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan Bandar Malaysia.

"Kita menangani empat masalah utama yang disebabkan oleh pentadbiran sebelum ini. Kita telah menjimatkan banyak wang kerajaan dengan menyelesaikan isu ECRL, Felda, Tabung Haji dan Bandar Malaysia.

"Mereka (pentadbiran ter-

dahulu) telah mengambil wang dan wang tidak dapat dikesan," katanya dalam sidang akhbar di Yayasan Albukhary di sini hari ini.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan memutuskan untuk memulihkan semula projek Bandar Malaysia yang sebelum ini diberhentikan secara tiba-tiba pada tahun 2017.

Katanya, keputusan tersebut dibuat selepas mendapati syarikat yang dilantik sebelum ini bukan syarikat China dan hanya memiliki pegangan saham sebanyak 24 peratus, manakala selebihnya dimiliki syarikat Malaysia.

"Projek ini dijangka menjana



DR. MAHATHIR MOHAMAD

impak besar kepada pembangunan bandar bagi Malaysia dengan menarik pelaburan asing serta menjana nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak kira-kira RM140 bilion.

"Sehubungan itu, kerajaan mengalu-alukan komitmen IWH-CREC Sdn. Bhd. untuk

membuat bayaran pendahuluan sebanyak RM500 juta sebagai tambahan kepada jumlah deposit asal sebanyak RM741 juta yang akan dibayar dalam tempoh 60 puluh hari daripada tarikh projek itu dikembalikan," ujarnya.

Cadangan pembangunan Bandar Malaysia ini melibatkan kawasan seluas 194 hektar yang terletak di lapangan terbang

lama Sungai Besi.

Namun pada Mei 2017, Perjanjian Penjualan Saham (SSA) yang ditandatangani bersama IWH-CREC terbatal serta-merta ekoran kegagalan konsortium itu memenuhi syarat pembayaran, walaupun tempoh bayaran telah dilanjutkan berulang kali.

Tambah Dr. Mahathir, projek tersebut akan menarik institusi kewangan antarabangsa, syarikat multinasional dan Fortune 500 untuk mencari ibu pejabat serantau mereka di Bandar Malaysia.

"Di samping itu, syarikat teknologi seperti Alibaba dan Huawei juga telah menunjukkan minat untuk menubuhkan pusat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mereka.

"Projek itu juga akan menambah nilai kepada ekonomi dan menambah nilai substantif kepada ekonomi," jelasnya.